

# PM tiba di San Francisco hadiri APEC

**San Francisco:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, tiba di San Francisco semalam, bagi menghadiri Mesyuarat Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) ke-30 di sini dari 14 hingga 17 November ini.

Anwar dijadual menyertai Dialog Tidak Rasmi Pemimpin Ekonomi APEC bersama Tetamu iaitu pemimpin Colombia, Fiji dan India; Dialog Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) dengan Pemimpin Ekonomi APEC dan Sidang Kemuncak Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) APEC 2023.

Beliau juga akan menyertai Mesyuarat Kedua Pemimpin Kerangka Ekonomi Indo-Pasifik (IPEF).

Antara acara kemuncak pada rangka lawatan itu merangkumi Anwar dijadual menyampaikan syarahan umum kepada pelajar dan sarjana di University of California, Berkeley dengan memfokuskan kepada *'Superpower Rivalry and Rising Tensions in the Asia-Pacific - The View from Southeast Asia'*.

Dalam memberikan gambaran keseluruhan keadaan geopolitik, Anwar juga akan menyentuh demokrasi, kebebasan berperlem-



Anwar tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa San Francisco bagi menghadiri APEC, semalam. (Foto BERNAMA)

bagaan dan Islamofobia.

Selain itu, Perdana Menteri dijadual mengadakan pertemuan secara individu dengan pemimpin perniagaan, terkemuka AS di sela-sela Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC (AELM).

Perdana Menteri juga dijadual mengadakan pertemuan dua hala dengan beberapa pemimpin ekonomi APEC bagi meneroka cara untuk mengukuhkan kerjasama dua hala dalam pelbagai

bidang demi manfaat bersama.

Anwar dijangka menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman (MoU) di antara syarikat BlackBerry dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dalam kerjasama keselamatan siber.

Sebelum pulang ke Malaysia, Perdana Menteri akan bertemu diaspora dan pelajar Malaysia di San Francisco pada majlis makan malam. BERNAMA